

**NO. SOALAN : 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kriteria, garis panduan dan pelan tindakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan untuk pemeliharaan warisan atau tempat bersejarah sebelum ia dirobohkan oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab di tengah-tengah malam.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara bertanggungjawab untuk memelihara, memulihara dan melindungi tapak warisan yang telah diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Penilaian untuk mempertimbangkan tapak untuk diberi pengiktirafan sebagai warisan mestilah memenuhi kriteria di bawah Seksyen 67(2) Akta 645. Namun, sebelum sesuatu tapak diisyiharkan sebagai warisan, ia memerlukan keizinan pemilik dan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan.

Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan telah dirangka dan digunakan sebagai panduan dalam memulihara, memelihara dan melindungi tapak warisan. Bagi tapak-tapak yang telah diwartakan, Jabatan Warisan Negara akan mengeluarkan garis panduan kepada pemilik, memasang plak serta mendapatkan kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan seperti pemilik, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi berkaitan supaya tapak dapat dilindungi mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pemantauan berkala juga akan dilakukan untuk memastikan garis panduan dipatuhi. Sekiranya pembangunan ke atas tapak/bangunan hendak dilakukan, kebenaran merancang di bawah Seksyen 40, Akta 645 perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang pembangunan dilakukan di tapak tersebut. Langkah ini adalah bagi menghindari tapak/bangunan daripada dirobohkan atau dimusnahkan.

Bagi tapak-tapak yang belum diwartakan pula, sekiranya berlaku sebarang pembangunan di tapak bersejarah tersebut, maka alternatif yang boleh dilakukan ialah:

- 1) Memberi pandangan kepada Kerajaan atau pemaju atau pemilik supaya memberi pilihan pembangunan di tempat lain yang sesuai, tanpa meroboh tapak asal;
- 2) Sekiranya bangunan terpaksa dipindahkan ke tempat lain, pelaksanaan kerja akan dipantau oleh Jabatan Warisan Negara;
- 3) Merekod dan mendokumenkan maklumat tapak bangunan yang terpaksa dipindahkan supaya data sejarahnya dapat diselamatkan.

Sekian, terima kasih.